

KENYATAAN POLISI ANTI RASUAH DAN KORUPSI

CGC komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan berlandaskan etika standard yang tinggi, amanah dan bertanggungjawab. Dengan itu, pihak Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan, semua pekerja serta mana-mana individu atau syarikat yang bertindak untuk atau bagi pihak CGC telah mengamalkan dasar toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan korupsi. Selain itu, pihak Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan di setiap peringkat berusaha keras untuk mempamerkan dengan sebaiknya, melalui hasil, tindakan dan tingkahlaku, kepentingan mengamalkan sikap amanah dan nilai-nilai etika dalam menyokong polisi ini.

Sebagai pengiktirafan terhadap komitmen ini, pihak Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah melaksanakan dan menguatkuasakan program anti rasuah dan korupsi yang komprehensif untuk mencegah, menghalang dan memantau rasuah dan korupsi dalam aktiviti perniagaan CGC, bagi memastikan:

- Polisi Anti Rasuah Dan Korupsi memberikan panduan kepada pihak Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan semua pekerja CGC mengenai cara menangani permohonan yang tidak wajar, rasuah dan lain-lain aktiviti serta isu korupsi yang mungkin timbul semasa menjalankan perniagaan.
- CGC juga menjangkakan semua pembekal, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen, wakil dan lain-lain yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak CGC, mematuhi bahagian-bahagian yang berkaitan di dalam Polisi Anti Rasuah Dan Korupsi semasa menjalankan kerja atau perkhidmatan tersebut.
- Pihak Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan, semua pekerja serta mana-mana individu atau syarikat yang bertindak untuk atau bagi pihak CGC adalah dilarang dengan kerasnya, secara langsung atau tidak langsung, dari meminta, menerima atau menawarkan rasuah berkaitan dengan perniagaan dan operasi CGC.

CGC menyediakan saluran bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan, semua pekerja dan orang awam untuk membuat laporan tentang sebarang kelakuan yang tidak wajar dalam CGC, yang termaktub di dalam Dasar Pemberi Maklumat CGC.

CGC komited untuk memperbaiki polisi dan kawalan yang diterangkan dalam penyata polisi ini secara berterusan sebagai langkah pertama CGC ke arah mewujudkan, melaksanakan dan menyenggara program pengurusan anti rasuah dan korupsi yang teguh bagi mematuhi piawaian ISO 37001: 2016.

Pihak Pengurusan

Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad